

26 OCT 2003

Abdullah-Timbangan (Bergambar)

ABDULLAH MINTA JANGAN BUAT SPEKULASI MENGENAI TIMBALAN

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menolak cadangan kononnya satu mural (lukisan dinding) di tingkat empat Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini membayangkan pengganti beliau sebagai timbalan perdana menteri.

Timbalan Perdana Menteri meminta anggota Umno, khususnya, tidak membuat spekulasi mengenai pengganti beliau berdasarkan lukisan berhampiran pintu masuk ke PWTC itu.

Lukisan itu dibuat tanpa dipengaruhi oleh beliau dan ia hanyalah pandangan pelukis itu semata-mata, katanya ketika ditanya pemberita mengenai satu mural yang menunjukkan gambar beliau (timbangan presiden Umno) dan di bawah berhampirannya naib presiden Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Takkanlah kita nak buat keputusan atas gambar," katanya selepas menghadiri peramaian Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di sini.

Abdullah akan menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri selepas Dr Mahathir melepaskan jawatan itu Jumaat ini. Berikutan itu timbul persoalan mengenai siapa yang akan dilantik sebagai timbalan perdana menteri.

Sementara itu, ditanya mengenai agihan kerusi pada pilihan raya umum nanti, Abdullah berkata perkara itu belum dibincangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Barisan Nasional.

Agihan kerusi itu dibangkitkan oleh Presiden PPP Datuk M. Kayveas dalam ucapan dasarnya sebelum itu yang menyuarakan harapan parti itu agar diberikan kerusi dalam pilihan raya umum akan datang.

Ditanya mengenai agenda mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) terakhir yang akan dipengerusikan Dr Mahathir sebagai Presiden Umno pada 30 Okt, Abdullah berkata tidak ada agenda khusus kerana MT mahu memberi peluang kepada Dr Mahathir memberikan amanatnya.

"Kita akan beri masa untuk Dr Mahathir bercakap, beri nasihat, pandangan dan sebagainya," katanya.

Ditanya sama ada Umno akan melakukan sesuatu yang istimewa untuk menghargai Dr Mahathir, Abdullah berkata sebuah majlis khas sebagai tanda terima kasih parti akan diadakan selepas Hari Raya Aidilfitri.

Tarikh sebenar majlis itu bagaimanapun belum ditetapkan.

-- BERNAMA

NM HK RON